

22 JUL 1997

Mahathir-berlepas

DR MAHATHIR MULA KERJA ESOK SELEPAS DUA BULAN BERCUTI

Oleh: Zainoor Sulaiman

OKAYAMA, Jepun, 22 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas dari sini hari ini sebagai mengakhiri "percutian bekerja" selama dua bulan yang menyaksikan beliau melawat beberapa buah negara di Eropah, Asia Barat dan Amerika.

Semasa dalam "cuti", beliau menghadiri Sidang Kemuncak Negara-negara Islam (D-8) di Istanbul, Turki, melakukan lawatan rasmi yang pertama ke Lubnan dan kemudian membuat lawatan kerja ke Hungary.

Semasa bercakap dengan wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan kerja sambil bercuti beliau selama tujuh hari ke Jepun di sini, Perdana Menteri berkata beliau akan menyambung semula kerja esok.

Katanya, tugas beliau yang pertama ialah melihat kertas-kertas Kabinet daripada mesyuarat mingguan setiap hari Rabu.

Semasa di Jepun, Dr Mahathir melawat wilayah Kobe, Toyama dan Okayama meninjau rangkaian restoran makanan segera, sebuah kilang kereta antik, projek keretapi tanah tinggi dan makmal farmasi berteknologi tinggi yang mengeluarkan Interferon (IFN) sejenis bahan bioaktif yang digunakan dalam rawatan penyakit barah dan jangkitan virus.

Beliau juga mengadakan sesi dialog dan perbincangan dengan pemimpin politik dan perniagaan tempatan untuk meningkatkan hubungan langsung perniagaan dan kebudayaan antara Malaysia dan wilayah-wilayah berkenaan. -- Bernama

ZS oba